

## UNSUR KHURAFAT DALAM AJARAN SESAT DI MALAYSIA: ANALISIS PANDANGAN HUKUM JAWATANKUASA MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

*Elements Of Heresy In Deviant Teachings In Malaysia: Analysis On Legal Views From The Muzakarah Committee Of The National Council For Malaysian Islamic Affairs*

Mohd Kamel Mat Salleh<sup>i</sup>, Muhammad Firdaus Abdul Manaf<sup>ii</sup> & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Emel: [mohdkamel@uitm.edu.my](mailto:mohdkamel@uitm.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Emel: [firdausmanaf@uitm.edu.my](mailto:firdausmanaf@uitm.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Emel: [firdausmanaf@uitm.edu.my](mailto:firdausmanaf@uitm.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Suatu ajaran boleh difatwakan sesat jika terdapat unsur khurafat dan perkara yang menyalahi akidah. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum dan fatwa amalan yang bercanggah dengan Islam disebabkan wujudnya unsur khurafat dalam pengamalan kumpulan tertentu. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur khurafat dalam beberapa ajaran sesat yang diwartakan pengharamannya di Malaysia. Kajian ini menggunakan metod analisis dokumen dengan merujuk kepada pandangan hukum dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan membabitkan ajaran-ajaran sesat dan diwartakan pengharamannya di Malaysia.</i></p>	<p><i>A particular doctrine will be declared as deviant teaching if it contains heretical elements that are clearly against the Islamic faith. The Muzakarah Committee of the National Council for Malaysian Islamic Affairs (MKI Muzakarah Committee) and the State Mufti Department have issued several legal views and fatwas on misleading practices that clearly contradict with Islamic teachings due to heretical elements found in particular deviant groups. Hence, this article aims to analyze the heretical teachings in some deviant groups that have been gazette for ban in Malaysia. This study uses document analysis method with reference to views of the law and fatwas issued involving heretical teachings which have been gazetted for ban in Malaysia. There is strong evidence on existence of heretical elements and misleading practices by the studied deviant</i></p>

Kajian ini mendapati bahawa terdapat unsur khurafat yang jelas dan diamalkan oleh kumpulan ajaran sesat menyebabkan ianya diwartakan sebagai kumpulan menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Kajian ini penting kerana dapat menjelaskan bahaya khurafat dalam amalan berkaitan akidah kerana tertolaknya suatu amalan amat berkait rapat dengan penyelewengan dalam iktikad dan kepercayaan.

**Kata kunci:** khurafat, ajaran sesat, akidah, Jawatankuasa Muzakarah MKI, fatwa negeri

groups, thus causing them to be gazetted as heretical groups that clearly deviate from the true teachings of Islam. Accordingly, this work is a significant study to explain the threats of heretical teachings to Islamic teachings and Muslim society as a whole, realizing that deeds of Muslim believers in principle will not be accepted if their practice clearly contradicts with the Islamic faith.

**Keywords:** heresy, deviant teaching, faith, MKI Muzakarah Committee, state fatwa

## PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang mengambil berat persoalan akidah dan perkara yang membatkannya. Penerimaan suatu amalan bergantung kepada cara dan kaedah pelaksanaanya adakah bertepatan dengan kehendak syarak atau bercampur aduk dengan unsur yang bercanggah dengan prinsip akidah. Justeru segala bentuk khurafat sama ada berbentuk amalan dan kepercayaan boleh membawa kepada syirik adalah tertolak dan dianggap bercanggah dengan dengan ajaran Islam. Dalam konteks pandangan hukum dan fatwa di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebuah institusi agama peringkat pusat melalui Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kali Ke-40 bertarikh 9 Ogos 1996. Garis panduan ini kemudiannya diterima pakai di peringkat negeri dan dijadikan rujukan dalam mengeluarkan fatwa berkaitan pengharaman suatu ajaran yang terdapat unsur khurafat di dalamnya.

Menurut al-Mu'jam al-Wasit (1972), khurafat didefinisikan sebagai cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta. Menurut al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah (2012), khurafat ialah cerita yang sebenar-benar dusta. Menurut Kamus Idris al-Marbawi (1998), khurafat bermaksud cerita karut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan khurafat sebagai kepercayaan yang karut, dongeng dan talyul. Menurut Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam (1991), khurafat bermaksud perbuatan yang didorong oleh kepercayaan yang bertentangan dengan syariat dan akal. Dalam Kamus Pengetahuan Islam (1976), khurafat membawa maksud perkara-perkara karut yang bertentangan atau tidak ada dalam ajaran Islam, contohnya mandi safar, puja pantai dan sebagainya. Dalam pewartaan fatwa berkaitan Kepercayaan dan Amalan Khurafat Serta

Penggunaan Azimat Menurut Perspektif Islam oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka (2011) Khurafat ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.

Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri turut mengeluarkan garis panduan mengenai khurafat dan azimat antaranya ialah Pejabat Mufti Negeri Sabah, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Malah institusi agama peringkat negeri ini juga telah mengeluarkan banyak risalah dan buku berkaitan amalan khurafat ini, tetapi yang menimbulkan persoalan, khurafat masih berkembang walaupun banyak program dakwah telah dilakukan dan diwujudkan peruntukan undang-undang berkaitan isu ini dalam undang-undang Islam negeri.

Berdasarkan kepada takrifan ini dapat disimpulkan bahawa khurafat ialah segala perkara bohong bukan realiti sebenar, sifatnya menipu dan boleh memperdaya manusia yang percaya dan berpegang dengannya sedangkan kebergantungan kepada perkara tersebut adalah karut bercanggah dengan hukum syarak dan akidah Islam. Dapatan Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Abd Hakim Mohad (2014) menjelaskan bahawa amalan khurafat ini termasuk dalam al-bid'ah al-i'tiqadiyyah yang terangkum di dalamnya aspek perbomohan, telekan, tangkal azimat dan sebagainya.

## METODOLOGI KAJIAN

### Analisis Dokumen

Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Terdapat dua jenis dokumen yang dianalisis iaitu keputusan dan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI serta fatwa negeri berhubung ajaran sesat sama ada yang difatwa atau diwartakan. Namun hanya pandangan hukum dan dan fatwa terpilih sahaja yang diketengahkan dalam kajian ini sebagai sampel yang boleh menggambarkan bentuk kesalahan ajaran sesat lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Analisis dokumen digunakan sebagai metod kajian bertujuan untuk meneliti dan mengenalpasti kedudukan khurafat yang ada dan diamalkan oleh pengamal ajaran-ajaran sesat yang diperolehi melalui keputusan dan fatwa yang dikeluarkan.

Analisis dokumen yang turut disebut sebagai analisis kandungan selalunya digunakan melalui pemeriksaan yang sistematik ke atas rekod dan dokumen, maka dalam kajian ini, dokumen dalam bentuk tulisan tangan atau bercetak (Ahmad Sunawari Long 2009) termasuk bahan dalam talian (online) adalah antara dokumen yang akan dianalisis.

## Tatacara Penganalisaan Data

Proses penganalisaan data bermula dengan pengumpulan data. Menurut S.B. Merriam (2009) kedua-dua proses ini boleh berjalan seiring. Ia dijalankan secara berterusan bagi melancarkan proses pengumpulan data sehingga proses penganalisaan data diurus secara sistematik. Kaedah ini juga bersandarkan kepada pandangan R.C. Bogdan & S.K. Biklen (2003), Miles & Huberman (1994) dan Zanaton Iksan (2011).

Untuk tujuan penganalisaan data dan ulasan, pengkaji menggunakan metode yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan iaitu :

### Analisis Teks

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data dalam bentuk teks yang diperolehi daripada pandangan hukum dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI dan fatwa-fatwa negeri. Kajian mendapati bahawa unsur-unsur khurafat sebenarnya memang wujud dalam amalan beberapa kumpulan ajaran sesat yang kononnya dianggap satu cara hidup Islam tetapi sebenarnya jauh menyeleweng dari ajaran Islam sebenar.

### Kaedah Deskriptif

Data-data yang diperoleh daripada kajian ini dibentangkan dalam bentuk deskriptif bagi menjawab persoalan sejauhmana unsur khurafat mendominasi amalan-amalan ritual yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang disangkakan sebahagian dari ajaran Islam tetapi realiti yang berlaku adalah sebaliknya.

### Metod Tematik

Pengkaji menggunakan kaedah tematik dalam kajian ini dengan meneliti tema-tema yang dikesan daripada penemuan data-data kajian. Beberapa tema utama telah dibentuk yang menggambarkan dapatan keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Tema utama yang dapat dikemukakan dalam penulisan ini ialah khurafat adalah satu amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Unsur ini adalah faktor utama kepada pengharaman suatu ajaran dan kumpulan tertentu. Ia perlu difatwa dan diwartakan bagi tujuan penguatkuasaan dan pendakwaan sebagai langkah membenteras agar tidak tersebar dalam masyarakat.

## DAPATAN KAJIAN

### Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Berkaitan Ajaran Sesat Yang Mempunyai Unsur Khurafat

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (Jawatankuasa Muzakarah MKI) berperanan sebagai penyelaras fatwa di peringkat Kebangsaan, namun Jawatankuasa ini tidak mengeluarkan fatwa secara rasmi kerana pelaksanaan fatwa terletak di bawah bidang kuasa negeri. Namun fatwa-fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan di peringkat negeri kebanyakannya datang dari Jawatankuasa Muzakarah MKI terutama yang berkait dengan kepentingan nasional. Perbincangan bersama ahli jawatankuasa yang dianggotai oleh seluruh mufti negeri, ahli akademik dan profesional yang dilantik sebagai ahli telah membawa satu pandangan hukum yang tuntas, sebahagiannya diterima sebagai fatwa oleh negeri-negeri dan diperluaskan untuk pewartaan dan penguatkuasaan termasuk yang berkait dengan akidah, ajaran sesat dan kumpulan-kumpulan yang menyeleweng dari ajaran Islam sebenar.

Antara pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI dalam bidang akidah atau penyelewengan akidah yang berkaitan dengan khurafat ialah Amalan Perbomohan Ibrahim Mat Zin (2017), Kedudukan Amalan Khurafat di Pulau Besar Melaka (2014), Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu (2007) dan Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam (1996).

### **Amalan Perbomohan Ibrahim Mat Zin**

Persidangan Kali Ke-110 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 27-28 Mac 2017 telah mengeluarkan pandangan hukum Amalan Perbomohan Ibrahim Mat Zin adalah menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Muzakarah mendapati wujudnya amalan-amalan dan upacara khurafat serta tayah melalui penggunaan pelbagai peralatan. Justeru amalan perbomohan yang menggunakan apa-apa objek adalah berlawanan dengan ajaran Islam.

Ibrahim Mat Zin popular dalam beberapa penampilannya yang menggemparkan rakyat Malaysia antaranya tragedi kehilangan pesawat MAS MH370 dengan melakukan upacara perbomohan di KLIA, aktiviti perbomohan yang melibatkan mendiang YB Karpal Singh (Bekas ADUN Bukit Gelugor) di lokasi kemalangan di KM 301.6 Lebuhraya PLUS berhampiran Gua Tempurung, ramalan kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil Teluk Intan pada hari penamaan calon iaitu pada 31 Mei 2014 dan ramalan kemenangan pasukan Brazil ke atas Croatia dengan jaringan 3-1 pada 12 Jun 2014. Beliau juga telah melakukan upacara memagar Malaysia daripada serangan nuklear Korea Utara. Raja Bomoh ini telah melakukan satu upacara di tepi sebuah pantai untuk menyelamatkan atau memagar negara Malaysia daripada serangan nuklear kerajaan Korea Utara serta untuk melembutkan hati para pemimpin Korea Utara. Dalam upacara itu beliau telah menggunakan

buluh kecil yang dijadikan teropong, dua biji kelapa, sejadah, semangkuk air laut dan lima buah meriam buluh. Beliau menjelaskan bahawa upacara tersebut adalah upacara memagar Malaysia di udara, bumi dan air.

Pada 13 Mac 2017, beliau melakukan upacara perbomohannya pada jam 6.00 petang di perkarangan Institut Perubatan Forensik Negara, Hospital Kuala Lumpur bagi upacara untuk memudahkan urusan penghantaran pulang mayat ke Korea Utara. Ketika berdoa beliau menyatakan bahawa tujuan upacara tersebut adalah bagi memudahkan urusan penghantaran mayat ke Korea Utara dan semoga rakyat Korea Utara gembira dengan penghantaran mayat tersebut kepada mereka.

Antara penemuan yang diperolehi hasil kajian terhadap aktiviti beliau ialah seperti berikut:

1. Tebu salak hitam yang digunakan untuk menangkap toyol dan pelesit;
2. Air zam-zam yang telah disumpah dengan jampi yang digunakan untuk melemahkan toyol dan pelesit;
3. Pokok durian tunggal yang mati beragan, tami beras yang dianyam oleh 44 orang anak dara sunti, mata pancing dan buah selasih putih yang digunakan untuk membuang ilmu hitam;
4. Sangkar burung cenderawasih yang digunakan untuk mengurung hati pasangan atau kekasih supaya tidak mencari pasangan lain. Sangkar burung ini digunakan dengan cara menjunjungnya atau diletakkan di atas kepala pesakit;
5. Bubu yang digunakan untuk tujuan mengurung hati pasangan supaya pasangan tidak mencari pasangan lain;
6. Teropong buluh kuning mati beragan yang digunakan untuk melihat rahsia orang lain;
7. Air telaga buta dan kain putih digunakan untuk memikat hati pasangan;
8. Air berlaga simpang tiga, daun semalu dan kulit pisang digunakan untuk melembutkan hati pasangan.

Berdasarkan kepada dapatan ini, Jawatankuasa Muzakarah telah memutuskan bahawa ajaran Permohonan Ibrahim Mat Zin adalah menyeleweng dan bercanggah dengan ajaran Islam disebabkan wujudnya unsur khurafat yang dibawa oleh beliau. Beberapa buah negeri telah mengeluarkan fatwa berkenaan ajaran permohonan ini seperti Negeri Sembilan (warta), Selangor (warta), Perak (warta), Pahang, Wilayah Persekutuan dan Kelantan.

### **Kedudukan Amalan Khurafat di Pulau Besar Melaka**

Secara khusus, pandangan hukum ini dikeluarkan hasil kajian kumpulan penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia dan Jabatan Mufti Melaka dan

dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI pada 3-5 Februari 2014. Dapatan kajian mendapat memang terdapat unsur khurafat dalam beberapa amalan yang dijalankan di Pulau Besar Melaka iaitu:

1. Perbuatan memohon hajat, berdoa dan bermeditasi di sisi kubur-kubur khususnya di kubur Sultan al-Arifin Sheikh Ismail dan kubur tujuh beradik;
2. Perbuatan memuja, sembahyang dan mengelilingi kubur Sultan al-Arifin Sheikh Ismail, kubur tujuh beradik, kubur Syarifah Rodziah, Kubur Syeikh Yusuf, kubur Tok Janggut, kubur nenek kebayan, tempayan pecah, batu belah, gua yunus, perigi nenek kebayan, tasik bunian, tasik biawak dan pokok disula;
3. Perbuatan mengadakan tahlil dan bacaan surah Yasin serta membacakan doa untuk kaum hindu oleh penjaga kubur Sultan al-Arifin Sheikh Ismail, kubur tujuh beradik dengan tujuan niat mereka diterima tuhan;
4. Perbuatan menabur bunga di kawasan kubur Sultan al-Arifin Sheikh Ismail, kubur tujuh beradik dan kubur-kubur lain;
5. Upacara mandi di perigi nenek kebayan dan tempayan pecah;
6. Perbuatan mengambil batu daripada perigi untuk dijadikan tangkal dan azimat;
7. Perbuatan membakar colok di sekitar kawasan perkuburan dan pohon-pohon pokok;
8. Menjamu orang ramai dengan daging nazar yang dihadiahkan oleh orang Islam dan orang Hindu;
9. Perbuatan berjalan tanpa memakai kasut ke gua atau perigi;
10. Sambutan Maulidur Rasul dengan dicampuri pelbagai upacara seperti penjualan poster yang didakwa gambar Khulafa al-Rasyidin, meletak dan memasang colok di atas kubur, membaca tahlil dan doa di tiang bendera, menyapu dan menyiram cairan cendana berwarna kuning pada batu nisan dan kubur Sultan al-Arifin Sheikh Ismail.

Semua amalan yang dilakukan ini adalah bentuk kepercayaan salah dan ada yang mempunyai unsur khurafat yang jelas bercanggah dengan akidah Islam. Walaupun pandangan hukum ini merujuk secara khusus berkenaan dengan amalan di Pulau Besar Melaka, namun analisis dan penghujahan berkaitan unsur khurafat boleh dijadikan dasar dan rujukan kepada negeri-negeri lain sekiranya timbul isu penyelewengan akidah yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Ia boleh dianggap mempunyai kepentingan nasional memandangkan banyak ajaran-ajaran sesat lain turut muncul di seluruh negara.

## **Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah memutuskan bahawa amalan-amalan kebudayaan dan kesenian tradisional yang mengandungi unsur-unsur mistik dan kebatinan, tasyul serta khurafat adalah ditegah oleh Islam kerana ia boleh menjaskan akidah umat Islam. Keputusan ini juga boleh menjadi dasar kepada keputusan mana-mana amalan lain dalam masyarakat Melayu yang mempunyai kecenderungan unsur-unsur khurafat sekiranya timbul di negeri-negeri. Ia berkait juga dengan garis panduan yang lebih awal dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Fatwa MKI iaitu Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam yang dikeluarkan pada 9 Ogos 1996.

### **Garis Panduan Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam**

Garis panduan ini juga menjadi dasar fatwa-fatwa yang dikeluarkan di peringkat negeri sekiranya timbul isu-isu berkaitan. Ia disediakan sebagai panduan dan penjelasan kepada umat Islam mengenai aspek-aspek khurafat dan azimat serta pandangan Islam terhadapnya. Dalam konteks khurafat, ia merangkumi perbahasan dalam pelbagai sudut merangkumi takrifan, ciri-ciri, bentuk dan hukum beramal dengannya.

Garis panduan ini telah diterima di peringkat negeri bagi mewartakan fatwa berhubung ajaran sesat bagi tujuan pencegahan, penguatkuasaan dan pendakwaan kerana banyak timbul pegangan serta kumpulan yang menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kerajaan Negeri Melaka secara khusus menerima dan mewartakan fatwa ini sebagai landasan berkemungkinan disebabkan munculnya banyak ajaran-ajaran sesat membabitkan unsur khurafat di Melaka. Hasil semakan di portal hukum/fatwa <http://esmaf.islam.gov.my> yang dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, buku himpunan fatwa-fatwa yang diwartakan serta rujukan di laman web/portal Jabatan Mufti seluruh Malaysia sememangnya banyak fatwa-fatwa ajaran sesat telah difatwa dan diwartakan di peringkat negeri. Pengkaji berkeyakinan bahawa pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI ini menjadi dasar dan rujukan utama dalam pengeluaran fatwa di negeri dalam hal yang membabitkan isu penyelewengan ajaran secara umum dan yang melibatkan unsur khurafat secara khusus.

### **Ciri-Ciri Khurafat**

Menurut Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam (1996), antara ciri-ciri khurafat ialah:

1. Tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada al-Quran atau al-Hadith;
2. Cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut;
3. Bersumberkan kepada kepercayaan-kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam;
4. Berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudharatkan dan menyeleweng dari akidah Islam;
5. Menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu;
6. Mempunyai unsur-unsur negatif pada akidah dan syariat Islam.

### Bentuk-Bentuk Khurafat

Antara bentuk khurafat menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ialah:

1. Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, bukit, tongkat dan sebagainya;
2. Kepercayaan kepada sial majal seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya;
3. Kepercayaan kepada jin dan memohon pertolongan darinya seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat memuja pantai dan sebagainya;
4. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi yang dilakukan oleh petani-petani seperti bersemah (memuja semangat padi) dan membuang ancak di sungai dan laut serta bermain pantai;
5. Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang seperti tidak boleh melihatkan bayi di muka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, tidak boleh keluar rumah ketika gagak berbunyi takut mendapat sial atau bala dan sebagainya;
6. Percaya kepada ramalan-ramalan bintang, angka-angka atau rajah-rajah tertentu;
7. Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang, kubur-kubur yang dianggap wali dan sebagainya.

Dapatan Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Abd Hakim Mohad (2014) mengesahkan bahawa kepercayaan kepada bomoh mempunyai pengaruh dan kedudukan penting dalam menyelesaikan kirsis dan penyakit masyarakat. Tidak sedikit yang terpengaruh kepada unsur perbomohan terutama masyarakat Melayu kerana mudah terpengaruh dan terpesona dengan tawaran para bomoh yang dikatakan boleh mengubat serta merawat penyakit mereka yang terkena sihir mahupun ilmu hitam.

Kepercayaan yang melampui batas kebenaran terhadap tokoh tertentu juga adalah antara kepercayaan khurafat yang masih berleluasa dalam masyarakat Melayu. Kajian Mohd Yusoff Senik (1995) membongkar kepercayaan melampau terhadap keistimewaan Saidina Ali dan keberkesanannya yang dikaitkan dengan beliau. Mohamed Shukri Mohamed (2015) yang juga merupakan Mufti Negeri Kelantan pernah menasihatkan umat Islam agar tidak menokoh tambah amalan ketika menziarahi kubur Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana wujudnya unsur yang menjurus ke arah perbuatan khurafat disebabkan taksub kepada ketokohan mantan menteri Besar Kelantan itu. Ia rentetan perbuatan sesetengah individu yang didakwa mengambil tanah kubur untuk dijadikan azimat.

Dayang Zakiah Haji Talib (2013), Nor Rafidah Haji Mokhtar & Mohd. Nizam Sahad (2014) dalam kajiannya di Brunei mendapati keyakinan masyarakat Melayu terhadap unsur mistik berada pada tahap yang agak tinggi seperti kepercayaan kepada tangkal, azimat penjaga diri, penjaga rumah, penunduk musuh, penarik rezeki, pelaris kedai, ilmu pengasih dan lain-lain. Semua amalan ini tidak jauh bezanya dengan kepercayaan masyarakat Melayu di Malaysia dan ia mesti dihindari kerana jelas bertentangan dengan akidah Islam. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (2016) pernah menimbulkan isu keterlibatan orang Islam dengan kepercayaan tangkal untuk melariskan perniagaan dengan melakukan perbuatan menanam uri bayi di kawasan masjid kononnya anak akan menjadi soleh dan solehah.

Melihat kepada berleluasanya amalan khurafat ini, teori Mohd. Yusoff Senik (1995) menjelaskan, semua unsur membabitkan khurafat di alam Melayu ini dikaitkan dengan anutan agama hindu, kepercayaan animisme dan dinamisme orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

### **Hukum Beramal Dengan Khurafat**

Prinsip asas akidah meletakkan bahawa segala amalan yang tidak berkaitan dengan Islam adalah tertolak. Semua kepercayaan yang tidak bersumberkan al-Quran, sunah, ijmak dan kias dianggap perbuatan meyeleweng dari ajaran Islam. Ia bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Aishah yang bermaksud “Barangsiapa yang mengada-adakan dalam agama kami sesuatu yang tidak ada di dalamnya, maka yang dikerjakannya itu adalah tertolak” (Muslim, t.th). Dalam sebuah hadith lain riwayat Aishah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Barangsiapa mengerjakan sesuatu pekerjaan yang tiada dalam agama kami, maka yang dikerjakannya itu tertolak” (Muslim, t.th).

Terdapat juga hadith yang menjelaskan bahawa kepercayaan kepada unsur-unsur khurafat seperti yang dinyatakan dalam ciri-ciri dan bentuk-bentuk khurafat adalah suatu yang dilarang dan boleh merosakkan akidah seorang muslim. Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Ibn.

Mas'ud maksudnya "Percaya kepada burung itu syirik, percaya kepada burung itu syirik, dan tiada seorang pun dari kita melainkan dilanda oleh perasaan itu, akan tetap Allah menghilangkannya tawakkal" (Abu Daud, t.th). Para ulama menyebutkan bahawa contoh burung itu termasuklah biawak, gagak, kelicap dan sebagainya).

Menggunakan perantara atau kepercayaan kepada anasir selain Allah adalah suatu larangan dan ditegah syarak. Ia bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud "Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudharat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)" (Surah Yunus 10:106).

## KESIMPULAN

Amalan bercampur dengan unsur khurafat adalah jelas bertentangan dengan Islam. Ia boleh menyebabkan amalan tertolak berdasarkan rujukan ayat al-Quran dan Hadith Nabi Muhammad SAW. Dalam konteks semasa, wujudnya pelbagai ajaran yang didakwa mengikut syariat sedangkan hakikat sebenarnya bercampur aduk antara yang hak dan batil. Hal ini diketengahkan agar pandangan hukum dan fatwa yang tepat dikeluarkan bagi penjelasan kepada masyarakat agar tidak terbabit sama menyertai kumpulan yang sesat ini. JAKIM sebagai penyelaras fatwa di peringkat Kebangsaan sering menjadi rujukan dalam isu kefatwaan yang mempunyai kepentingan nasional. Melalui medium Jawatankuasa Muzakarah, pandangan hukum berkait unsur khurafat ini telah dimuktamadkan berdasarkan fakta yang bahan bukti yang dikemukakan agar keputusan yang dikeluarkan tepat dan betul. Pelaksanaan hukum ini diterima di peringkat negeri dan difatwa serta diwartakan agar tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan dapat dilaksanakan sebagai aspek pencegahan agar tidak terus menjadi barah dalam masyarakat. Ternyata garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah telah menjadi penanda aras dan rujukan kepada pewartaan fatwa di peringkat negeri dalam membersihkan elemen khurafat dalam pengamalan masyarakat Islam di Malaysia.

Ringkasnya, kajian ini dapat merumuskan kesimpulan berikut:

1. Khurafat adalah satu amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam.
2. Unsur khurafat dalam pengamalan kumpulan tertentu adalah faktor utama kepada pengharaman suatu ajaran dan kumpulan tertentu.
3. Terdapat pelbagai amalan khurafat dan kepercayaan salah yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Malaysia tiada asasnya dari sudut rujukan dan syarak.

4. Fatwa ajaran sesat perlu diwartakan bagi tujuan penguatkuasaan dan pendakwaan sebagai langkah membenteryas agar tidak tersebar dalam masyarakat.

## RUJUKAN

### Buku

- Abu Daud. (t.th). *Sunan Abi Daud*. Beyrut: al-Maktabah al-Asriyyah. kitab al-tibb. bab al-tayrah. jld. 4. hal. 17. no. 3912
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. ed. ke-5. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd. Al-Rahman. (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man
- al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiyyah al-Muasirah*. (2012). ed. ke-2. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Bogdan, R. C. & Biklen S. K. (2003). *Qualitative Research for Educations: An Introduction to Theories and Methods*. USA: Pearson Education Group Inc
- Haji Dusuki Haji Ahmad. (1976). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ibrahim Mustafa. et al. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. jld 1. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah.
- Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Fatwa-Fatwa Yang Diwartakan*. ed. ke-2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Himpunan Garis Panduan Yang Diperakui Oleh Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. ed. ke-2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. ed. ke-6. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Merriam.S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2 Thousand Oak California: Sage Publication

Muslim. (t.th). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Kitab al-Aqdiyah, Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah wa Radd Muhdathat al-Umur. jld. 3. hal. 1343. No.4589

Muslim. (t.th). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Kitab al-Aqdiyah, Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah wa Radd Muhdathat al-Umur. jld. 3. hal. 1343. no.4590

*Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. (1992). ed. ke-5. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Zanaton Haji Iksan. (2011). *Amalan Penyoalan Lisan Guru Kimia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elektrokimia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Jurnal dan Seminar

Dayang Hajah Zakiah binti Haji Taib. (2013). Penyelewengan Akidah di Negeri Brunei Darussalam: Pengawalan dan Pemulihan. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah*. Hotel Centrepoint Gadong, 9-10 September

Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Abd Hakim Mohad. (2014). Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 November.

Mohd. Yusoff Senik. (1995). Kepercayaan Khurafat Tentang Saidina Ali di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/2927>

Nor Rafidah Hj Mokhtar & Mohd. Nizam Sahad. (2014). Amalan 'Pendinding' Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei: Tinjauan dari Perspektif Akidah Islam. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*, 2(1), 2014:35-43

### Petikan Akhbar

Mohd. Izhar Ariff Mohd Khasim. (2016, September 15). Haram amal, percaya khurafat.<https://www.bharian.com.my/bhplusold/2016/09/192776/haram-amal-percaya-khurafat>

Muhafandi Muhamad. (2015, Februari 17). Jangan lakukan perbuatan khurafat di kubur Nik Aziz - Mufti Kelantan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-lakukan-perbuatan-khurafat-di-kubur-nik-aziz-mufti-kelantan-54101>

## Rujukan Laman Web

<http://e-smaf.islam.gov.my>  
<https://mufti.johor.gov.my/>  
<http://www.muftimelaka.gov.my/>  
<https://www.muftins.gov.my/v1/en/>  
<https://www.muftiselangor.gov.my/en/>  
<https://muftiwp.gov.my/>  
<http://mufti.perak.gov.my/>  
<https://mufti.kedah.gov.my/>  
<http://mufti.penang.gov.my/>  
<https://mufti.perlis.gov.my/>  
<https://www.muftikelantan.gov.my/>  
<http://mufti.terengganu.gov.my/>  
<https://mufti.pahang.gov.my/>  
<https://mufti.sabah.gov.my/>  
<https://muftinegeri.sarawak.gov.my/>

## Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*